

SIARAN MEDIA

12 November 2014

UNTUK SIARAN SEGARA



'EKOSISTEM YANG DIYAKINI DAN DIJAMIN SELAMAT': PENDORONG E-PERNIAGAAN, PERISAI KESELAMATAN BAGI MENGATASI CABARAN SIBER PELBAGAI DIMENSI

Acara CSM-ACE 2014 satu usaha bagi mengatasi masalah keselamatan siber negara

IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN (12 November 2014) – Serangan siber kini semakin kerap, meluas dan lebih berkesan. Serangan siber mengurangkan ketersediaan pertukaran maklumat dan mencacatkan kemampuan lingkungan maklumat untuk menyokong proses perniagaan yang berkesan dan cekap. Persekutuan yang tidak selamat menyebabkan seluruh ekosistem menjadi rapuh.

Justeru, kita memerlukan 'ekosistem yang diyakini dan dijamin selamat' untuk: mendorong pertumbuhan e-perniagaan, menjadi benteng dari cabaran keselamatan siber pelbagai dimensi, sama ada ancaman sedia ada maupun yang akan datang, meningkatkan kebolehpercayaan dan ketahanan infrastruktur penting, menjamin privasi, proses perniagaan dan misi kerajaan dengan lebih berkesan. Ekosistem siber yang sihat akan saling beroperasi secara meluas, bekerjasama dengan lebih efektif dalam persekitaran yang teragih, bertindak balas dengan baik, dan berupaya untuk pulih dengan cepat.

"Ekosistem Yang Diyakini dan Dijamin Selamat" adalah tema bagi acara tahunan Keselamatan Siber Malaysia - Anugerah, Persidangan dan Pameran 2014 (#CSMACE14) yang dianjurkan oleh CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak. Acara ini diadakan di Casuarina @ Meru di Ipoh, Perak dari 11 hingga 15 November 2014.

YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam ucapan beliau berkata, "Dalam era digital kini yang saling berhubungkait, pengekalan persekitaran operasi elektronik yang selamat, berdaya tahan dan diyakini serta meyokong ekonomi digital adalah amat penting. Saya berasa bangga dengan usaha CyberSecurity Malaysia menganjurkan #CSMACE14 dan memilih tema "Ekosistem Yang Diyakini dan Dijamin Selamat, yang juga merupakan salah satu sasaran dan faktor utama yang perlu dilaksanakan bagi menjayakan program Digital Malaysia." Katanya lagi.

CyberSecurity Malaysia, melaksanakan acara Anugerah, Persidangan dan Pameran – Keselamatan Siber Malaysia (CSM-ACE) sejak 2010 di sekitar Kuala Lumpur. #CSMACE14 adalah yang pertama kalinya dianjurkan



CyberSecurity Malaysia
(726630-U)

MSC
Malaysia
Status Company

T +603 8992 6888
F +603 8992 6841
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 5, Sapura@Mines
No 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my



Securing Our Cyberspace

di luar Kuala Lumpur. Negeri Perak bekerjasama dengan CyberSecurity Malaysia sebagai hos dan penganjur bersama #CSMACE14".

CSM-ACE merupakan acara keselamatan Teknologi Maklumat (IT) terbesar di Malaysia, dan disertai oleh lebih kurang 1000 orang peserta tempatan dan juga antarabangsa dalam kalangan pemikir paling berpengaruh dan inovatif dalam industri keselamatan siber, sektor kerajaan, dan juga bidang pendidikan. Pada tahun ini penekanan diberikan kepada usaha mengukuhkan keselamatan e-perniagaan, serta meningkatkan pembangunan keupayaan & kapasiti modal insan. Tujuh topik latihan keselamatan siber yang disesuaikan untuk pelbagai peringkat kepakaran dan pengetahuan telah berjaya meraih penglibatan lebih kurang 1500 pengamal keselamatan siber dari seluruh Malaysia dan juga dari luar negara sejak 28 Oktober sehingga 12 November, bersempena dengan CSM-ACE 2014. Dijangkakan pada akhir program latihan ini, CSM-ACE 2014 dapat menghasilkan lebih kurang 1500 Pekerja Berpengetahuan yang mampu mempertahankan organisasi mereka daripada serangan dan jenayah siber.

Selain dari acara utama - penyampaian anugerah, persidangan dan pameran - beberapa acara satelit yang menarik turut dianjurkan.

Selain program latihan, ada banyak lagi acara menarik bersempena dengan CSM-ACE2014, antaranya:

- i. Malaysia Cyber Security Awards Presentation Ceremony & Gala Dinner
12 November 2014 (Wednesday), 8.00 pm
AJCC 3, Casuarina@Meru, Ipoh

Royal Guest : His Royal Highness Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
- ii. World Trustmark Alliance (WTA) Annual Summit 2014
12 to 13 November 2014 (Wednesday - Thursday), 9.00 am - 5.30 pm
Board Room 1, Casuarina@Meru, Ipoh
- iii. National ICT Security Discourse (NICTSeD): CyberSAFE Challenge Trophy 2014.*
Grand Finale & Prize Giving by the Hon. Deputy Minister of MOSTI.
13 November 2014 (Thursday), 2.00 pm - 5.00 pm
Dewan AJCC 1, Casuarina@Meru, Ipoh.
- iv. Universiti Teknologi PETRONAS - National Hacking Competition 2014. (UTP-HAX'14)
14 - 15 November 2014 (Friday - Saturday)
Department of Computer and Information Sciences,
Universiti Teknologi PETRONAS, Bandar Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan.

-tamat-

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, go to <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to: info@cybersecurity.my. To report cyber incidents to our Cyber999™ Help Centre, email to cyber999@cybersecurity.my. Follow us on social networks: www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia and www.twitter.com/cybersecuritymy.

Issued by Outreach & Corporate Communications Department, CyberSecurity Malaysia.
For enquiry, email media@cybersecurity.my or call +603 8992 6888 ext. 6978 for Mr. Mohd Shamil Mohd Yusoff or ext. 6977 for Ms. Sandra Isnaji.